
HARI RABU, 11 MEI, 1994 PUKUL 2.30 PETANG

***1. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa peratus guru lelaki dan perempuan dalam perkhidmatan peringkat sekolah rendah dalam tahun 1992 dan 1993;
- (b) sebab-sebab perbezaan yang tinggi, jikalau ada; dan
- (c) tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah perbezaan tersebut.

***2. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Jabatan Pengangkutan Jalan sedang menimbangkan untuk “menggantung lesen” bagi kes-kes kesalahan pemandu kenderaan yang melanggar mangsa hingga mati. Jika benar, bilakah pihak Menteri Pengangkutan akan menguatkuasakan peraturan ini. Jika tidak benar, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pengangkutan untuk mengatasi kes-kes kemalangan jalanraya yang semakin serius.

***3. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada sebarang tindakan diambil di atas rayuan bekas perajurit supaya mereka juga dapat membeli belah di kedai PERNAMA seperti di negara-negara lain.

***4. Dato Soong Siew Hoong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerianya sedar bahawa banyak lagi kenderaan bermotor masih mengeluarkan asap hitam ekzos semasa menggunakan jalanraya dan lebuhraya. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengawal, malah menghapuskan secara berkesan pencemaran udara ini.

***5. Tuan Shahiruddin Abdul Moin** minta Menteri Pendidikan menyatakan perkembangan Institut Terjemahan Negara dan Matlamat.

***6. Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah perancangan yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh pihak Kementerian bagi melahirkan rakyat yang sihat dari segi fiizikal dan mental; dan
- (b) berapakah peruntukan yang telah disediakan bagi membina gimnasium rakyat dan berapakah bilangan yang telah dibina dan di mana.

***7. Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah wang yang diperuntukkan bagi Negeri Sarawak dalam program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang disalurkan melalui agensi KPLB sejak dilancarkan;
- (b) sejauh manakah perlaksanaannya telah dimanfaatkan oleh kumpulan sasar; dan
- (c) jumlah peruntukan yang disediakan dalam membantu usahawan melalui program Perusahaan Luar Bandar (PLB) bagi seluruh negara dan berapakah yang telah dibelanjakan untuk negeri Sarawak.

***8. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) nama kolej-kolej perubatan di India yang diiktirafkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan bolehkah JPA enggan mengiktirafkan sesuatu kolej yang ditetapkan oleh Kementerian; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan Jabatan Pelajar-pelajar Malaysia atau Malaysian Students Department di India untuk membantu dan membolehkan pelajar-pelajar menerima maklumat yang benar mengenai perkembangan semasa di negara kita.

***9. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Kewangan menyatakan kemerosotan harga-harga saham di BSKL masa kebelakangan ini, adakah kemerosotan saham-saham ini mengait dengan kerugian Bank Negara sebanyak 5.7 billion.

***10. Tuan Dol bin Dollah** minta Menteri Kewangan menyatakan setakat hari ini berapa banyak pinjaman telah diberi kepada penjaja di bawah Skim Jaminan Utama dan Tabung Pinjaman Penjaja dan Peniaga (1992) yang disediakan oleh (CGC) Syarikat Jaminan Kredit (M) Bhd. Apakah syarat-syarat yang patut dipatuhi di dalam memohon pinjaman ini dan berapa orang telah mendapat faedah.

***11. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan memandangkan wargatua mempunyai kedudukan istimewa dalam Islam, setakat ini apakah perhatian berat, jagaan dan perlindungan dan kemudahan yang diberi oleh Kementerian untuk wargatua supaya mereka yang hidupnya melarat dapat bantuan daripada Kementerian.

***12. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa berikutan daripada pembatalan kontrak Britain di negara ini, adakah Rancangan Pembinaan Empangan Pergau tergendala:

- (a) adakah kerajaan Malaysia mengalami sebarang kerugian. Jika ya, apakah tindakan dan strategi Kerajaan untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) jika rancangan ini berjaya, apakah manfaat kepada penduduk negara kita dan berapakah pendapatan yang dianggarkan oleh Kerajaan apabila rancangan ini selesai.

***13. Puan Habshah binti Haji Osman** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Lembaga Urusan Tabung Haji menyediakan pegawai kesihatan untuk bersama-sama jemaah di dalam pesawat penerbangan semasa pergi dan balik menunaikan Fardhu Haji bagi menentukan kesihatan mereka terjamin;
- (b) L.U.T.H. menyediakan perkhidmatan untuk jemaah dari negara-negara lain yang melalui Malaysia. Apakah perkhidmatan ini dijalankan oleh pegawai-pegawai yang sama untuk jemaah Malaysia;
- (c) berapa ramaikah jumlah kakitangan yang didaftar oleh L.U.T.H. untuk mengendalikan kesemua jemaah ini dan dari aspek apakah mereka ini dipilih; dan
- (d) berapakah jumlah perbelanjaan yang disediakan oleh L.U.T.H. untuk ubat-ubatan. Apakah jenisnya dan adakah ianya mencukupi untuk kegunaan semua jemaah yang seramai hampir 20,000 orang itu.

***14. Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) rancangan jangka masa panjang untuk industri pembuatan hiliran berasaskan timah;

(b) jumlah sumbangan kewangan setahun kepada Institut Penyelidikan Timah Antarabangsa (ITAI), Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Persatuan Negara-negara Pengeluar timah (ATPC) dan SEATRAD, organisasi Penyelidikan dan Pembangunan Timah Asia Tenggara; dan

(c) bagaimana ketiga-tiga organisasi tersebut telah memanfaatkan Malaysia.

***15. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian sudah menyiapkan kajian lengkap mengenai cadangan Kementerian untuk meminda Akta Pendapatan Cukai bagi 1967 bagi mengatasi implikasi undang-undang berikutan cadangan Kerajaan memperkenalkan potongan cukai berjadual.

***16. Tuan Haji Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) apakah objektif khusus di atas cadangan pihak Kementerian Kesihatan akan membuka pusat khas untuk pelacur pengidap AIDS. Berapakah kos anggaran pembinaan dan di manakah pusat ini dicadang didirikan; dan

(b) di manakah kakitangan akan diambil untuk berkhidmat di pusat ini.

***17. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kemalangan jalanraya yang banyak mengakibatkan kehilangan jiwa dapat diatasi dengan mengetatkan kawalan penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan mengenai pengeluaran lesen-lesen baru kepada pemandu-pemandu yang baru mendapat lesen, dan jika kemalangan disebabkan faktor-faktor lain, maka adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan rancangan jangka panjang yang boleh mengurangkan kemalangan jalanraya.

***18. Puan Hajah Rahmah binti Salleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) apakah benar Kerajaan bercadang untuk mengswastakan Hospital-hospital di seluruh negara; dan

(b) jika benar apakah kesan yang akan dirasai oleh rakyat yang berpendapatan rendah apatah lagi miskin.

***19. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab perubahan sikap Kementerian ini dengan isu filem "Schindler's List" yang pada mulanya diharamkan oleh Lembaga Penapisan Filem Malaysia dan adakah disebabkan desakan pihak ketiga menyebabkan Kerajaan berubah sikap membenarkan penayangan filem tersebut.

***20. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan usaha-usaha jangka pendek dan jangka panjang supaya rakyat Malaysia yang berbilang kaum dapat memahami lebih mendalam kebudayaan kaum-kaum yang bermastautin di Malaysia supaya perpaduan kaum akan diperkukuhkan.

***21. Tuan Limun Laikim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pendatang tanpa izin yang berada di Sabah sejak tahun 1990 hingga sekarang;
- (b) apakah usaha Kementerian untuk menyekat kemasukan mereka yang banyak ini ke Sabah; dan
- (c) adakah pendatang tanpa izin yang sudah lama tinggal di Sabah akan diberi Kad Pengenalan Biru bagi mereka yang berkelakuan baik.

***22. Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab-sebab filem "Schindler's List" diharamkan pada awalnya oleh Lembaga Penapis Filem dan kemudiannya diluluskan oleh Kerajaan.

***23. Dato William Chek Lin Kwai** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) jumlah kilang-kilang yang tidak mempunyai tempat pembuangan sisa toksid yang teratur di negara ini dan kuantiti sebenar sisa-sisa toksid di negara ini;
- (b) berapakah jumlah kilang-kilang yang telah diambil tindakan berhubung dengan pembuangan sisa-sisa toksid di dalam sungai-sungai yang digunakan sebagai tadahan dan bagi penapisan air seperti di Sungai Kelang, Sungai Pencala, Sungai Skudai; dan
- (c) apakah pula tindakan Kementerian terhadap perkara ini selain daripada denda. Adakah pihak Kementerian akan memperketatkan lagi undang-undang melindungi alam sekitar agar mereka yang bersabit mencemarkan alam sekitar dilepaskan dengan begitu ringan sahaja.

***24. Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah kadar sebenar kekurangan doktor-doktor dan pakar di hospital-hospital Kerajaan di Malaysia.

***25. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah kesan lembaga penapisan filem dan usaha mengawal kemasukan filem-filem yang mempunyai adegan-adegan ganas yang mempengaruhi generasi muda; dan adakah faktor-faktor yang menunjukkan bahawa filem-filem yang ditayangkan tidak memberi kesan negatif kepada golongan ini;
- (b) berapa banyak unit-unit pawagam kecil yang telah dikeluarkan lesen; dan
- (c) adakah lembaga ini mengambil perhatian tentang penapisan atau kelulusan video filem yang ditayangkan yang terdapat adegan-adegan ganas.

***26. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan Kementerian selanjutnya terhadap pelajar-pelajar sekolah setelah menerima laporan sebanyak 138,000 pelajar melakukan kesalahan seperti memukul guru, bergaduh, mengugut, mencuri dan sebagainya kebanyakannya adalah pelajar Melayu.

***27. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah pelabur asing di Malaysia yang menghadapi masalah kekurangan tenaga mahir dan separuh mahir; dan
- (b) apakah masalah-masalah infrastruktur industri besi dan keluli sehingga menjejaskan aktiviti eksportnya dan langkah-langkah Kerajaan mengatasi masalah tersebut.

***28. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sejauhmana kejayaan Kementerian terhadap kempen mengguna kereta bersama dan reaksi orang ramai terhadap kempen ini; dan
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang menguatkuasa suatu undang-undang jika sambutan rakyat terhadap kempen ini tidak berkesan.

***29. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Menteri sedar bahawa Jetty yang digunakan oleh kenderaan yang menuju ke Labuan di Menumbok dan sebaliknya dalam keadaan 'Sub standard' dan memerlukan peningkatan taraf memandangkan jumlah kekerapan penggunaannya telah meningkat. Jika ia apakah langkah dan perancangan Kementerian untuk mengatasinya.

***30. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian akan membuat suatu kajian untuk menaikkan had umur pemandu motosikal memandangkan bilangan kemalangan dalam kategori ini amat ramai sekali.

***31. Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa isu tuntutan Filipina terhadap Sabah menjadi isu timbul tenggelam. Kadang-kadang reda dan kadang-kadang tegang seperti sedang diperkatakan sekarang. Tidak adakah satu jalan penyelesaian yang muktamad supaya isu ini tidak berulang di masa akan datang.

***32. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan tentang kadar kemalangan jalan raya yang masih dikatakan tinggi di Malaysia. Adakah pihak Kementerian telah menjalankan kajian dan penyelidikan secara mendalam tentang punca-punca berlakunya kemalangan. Dan kalau ada, pihak manakah yang menjalankan kajian itu apakah hasil kajian dan apakah cara mengatasinya.

***33. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah Kerajaan akan mengadakan bangunan Station RTV di Negeri Perlis di mana semua agensi RTV dan kemudahan-kemudahan lengkap ditempatkan di suatu bangunan sahaja supaya semua maklumat-maklumat penting sentiasa terkawal.

***34. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah banyak buku-buku terjemahan yang dapat dihasilkan oleh penterjemah-penterjemah dan berapa banyak pula yang ditolak oleh Kerajaan untuk pasaran.

***35. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah kutipan lesen hiburan setiap tahun 1991, 1992 dan 1993;
- (b) jumlah kutipan lesen hiburan untuk tujuan permainan wayang opera Persatuan Penganut-penganut Tokong Tempatan setiap tahun 1991, 1992 dan 1993; dan
- (c) memandangkan wayang opera dimainkan oleh Persatuan Penganut-penganut Tokong tempatan bukan untuk keuntungan, adakah Kementerian bercadang mengecualikan bayaran lesen hiburan. Jikalau tidak, mengapa tidak.

***36. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut:** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapa banyakkah peruntukan yang disalurkan untuk membina jalan luar bandar pada tahun 1993 dan 1994; sejak dari tahun tersebut berapa banyakkah jalan tersebut telah dibina dan apakah kriteria untuk Kementerian membina jalan luar bandar di kampung-kampung, sedangkan tiap-tiap hari ada rungutan tentang kelambatan menyediakan pasarana ini.

***37. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah fungsi dan tanggungjawab KEMENTERAH terhadap hampir 1/2 juta anggota bekas tentera di negara ini melalui Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (HEBAT) iaitu yang sudah BERHENTI dari ATM BUKAN yang akan berhenti.

***38. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan tersangkut atau terhentinya Gerakan Belia 4B Negara di mana pertubuhan tersebut mempunyai 2 orang Presiden. Tidakkah Kerajaan bercadang campur tangan bagi mengatasi masalah kepimpinan 4B ini.

***39. Tuan Shahiruddin Abdul Moin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan setiap projek perumahan dan kemudahan asas seperti pusat komuniti aktiviti masyarakat dapat diadakan kerana menghindar dari budaya lepak.

***40. Tuan Shahiruddin Abdul Moin** minta Menteri Kewangan menyatakan pembayaran hutang Kerajaan Kelantan, kerana semasa pilihanraya di Lundang pimpinan PAS telah menyatakan bahawa Kerajaan Kelantan tiada hutang lagi dengan Kerajaan Pusat. Dan berapakah jumlah keseluruhan hutang Kerajaan Kelantan.

***41. Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) berapa buah syarikatkah yang telah diluluskan mengendalikan jualan murah di sepanjang tahun 1993 dan 1994 di Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor; dan

(b) apakah Kerajaan sedar terdapat syarikat yang mengadakan jualan murah disepanjang tahun dengan menggunakan nama jualan Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Jualan Awal Tahun, Jualan Cuti Sekolah dan sebagainya. Jika sedar, adakah Kementerian bercadang menghadkan jualan murah yang boleh dilakukan oleh sesebuah syarikat dalam masa satu tahun.

***42. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah peruntukan undang-undang yang melarang lori dan treler diletakkan di taman-taman perumahan pada waktu malam dan apakah rancangan yang diambil untuk menangani masalah lori yang diletak merata tempat ini.

***43. Puan Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah bilangan pelajar Malaysia yang sedang berkursus di luar negara yang terlibat dengan dakwah ajaran Kristian. Mengapa perkara ini boleh terjadi sedangkan di setiap tempat pengajian tinggi ada ditempatkan beberapa orang pegawai dari Kementerian Pendidikan.

***44. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) setakat ini berapakah jumlah bank yang terlibat dengan sistem perbankan tanpa faedah; dan

(b) apakah perbezaan dan faedah menarik antara sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam.

***45. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Pertanian menyatakan sebab-sebab kekurangan ayam daging semasa perayaan Tahun Baru Cina yang menyebabkan harga naik melambung tinggi yang menyusahkan rakyat jelata yang berpendapatan rendah, dan menyatakan apakah langkah jangka panjang yang boleh memastikan pengeluaran ayam daging dapat memenuhi permintaan pengguna-pengguna di masa hadapan supaya harganya berpatutan.

***46. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapa banyakkah kes kesalahan pemandu-pemandu dan konduktor-konduktor Bas Mini yang melakukan kekasaran terhadap penumpang-penumpang sejak tahun 1991 dan adakah mereka telah didakwa di mahkamah dan apakah usaha-usaha sedang dilakukan supaya mereka yang terlibat bersopan-santun semasa menjalankan perniagaan mereka.

***47. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kewujudan kaunter perkhidmatan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri di tempat-tempat awam mendapat sambutan yang baik dan jika ia adakan usaha seperti ini akan diteruskan.

***48. Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa nilai wang Malaysia semakin hari semakin rendah berbanding dengan nilai wang Singapura.

***49. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah faktor yang sebenar dan terbesar menyebabkan kemalangan jalanraya berlaku;
- (b) sudahkah pihak bertanggungjawab menjalankan kajian tentang kesempumaan kenderaan yang berada di atas jalanraya;
- (c) apakah tindakan yang diambil kepada anak-anak muda mempelbagai dan mengubahsuai kereta dan motor;
- (d) adakah mencukupi tanda-tanda jalanraya untuk memberi panduan kepada pemandu; dan
- (e) apakah tindakan yang diambil kepada lori-lori yang membawa muatan yang berlebihan tanpa memperhitungkan keselamatan pengguna jalanraya.

***50. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam membantu dan melindungi balu-balu tentera dan anggota polis yang meninggal sewaktu bertugas. Apakah Kementerian bercadang untuk menggubal satu akta untuk melindungi mereka.

***51. Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa terdapat rungutan masyarakat Orang Asli terhadap permohonan tanam semula getah dalam kawasan mereka ditolak atas sebab status kawasan tempat tinggal mereka. Menyedari hakikat bahawa tanaman getah menjadi sumber pendapatan mereka oleh hal yang demikian, apakah tindakan Kementerian untuk membolehkan pokok-pokok getah tua ditanam semula dengan bantuan RISDA dalam kawasan mereka tanpa mengira status tanah.

***52. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah institusi pendidikan swasta memberi sumbangan positif ke arah pembentukan belia-belia yang berdisiplin dan bermoral sedangkan melalui institusi pendidikan Kerajaan pun masih terdapat penuntut-penuntut yang moral mereka mengecewakan negara.